



GARIS PANDUAN

**PENGEQUALIAN CUKAI KEUNTUNGAN MODAL ATAS PELUPUSAN
SAHAM BAGI TUJUAN SUATU TAWARAN AWAM PERMULAAN DI
BAWAH P.U.(A) 290/2024**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENGECUALIAN CKM ATAS
PELUPUSAN SAHAM BAGI TUJUAN
TAWARAN AWAM PERMULAAN
DI BAWAH P.U.(A) 290/2024**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. Pengenalan.....	1
2. Tujuan.....	2
3. Syarat-Syarat Kelulusan Pengecualian.....	2
4. Prosedur Permohonan Pengecualian	4
5. Ketidapkapaian	6
6. Kegagalan Dalam Pematuhan Syarat.....	7
7. Kerugian Daripada Pelupusan Saham.....	8
8. Keperluan Mengemukakan Penyata Dan Maklumat Lain	9
9. Penafian.....	9

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. PENGENALAN

- 1.1 Pada masa ini, cukai keuntungan modal (**CKM**) dikenakan kepada pemegang saham (**pelupus**) atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:
- (a) saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia (**STT**);
 - (b) saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya (**saham syarikat relevan**) di bawah seksyen 15C Akta Cukai Pendapatan 1967 (**ACP**); dan
 - (c) aset modal asing menurut perenggan (a) tafsiran “aset modal” dalam subseksyen 2(1) ACP yang diterima di Malaysia oleh pemastautin.
- 1.2 Pelupus yang tertakluk kepada CKM adalah syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi. Entiti Labuan yang memilih untuk tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP juga adalah tertakluk kepada CKM.
- 1.3 Melalui Perintah Cukai Pendapatan (Tawaran Awam Permulaan) (Pengecualian) 2024 [**P.U.(A) 290/2024**] bertarikh 8.10.2024, Menteri mengecualikan pelupus daripada pembayaran CKM berkenaan dengan pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada laba atau keuntungan yang diterima daripada pelupusan STT dalam suatu skim penstrukturan semula mana-mana syarikat. Skim penstrukturan semula tersebut adalah berhubung dengan proses suatu tawaran awam permulaan (**IPO**) bagi suatu syarikat yang hendak disenaraikan (**syarikat IPO**).
- 1.4 Pelupus hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024 secara bertulis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (**KPHDN**) dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan permohonan IPO.

- 1.5 Pelupus yang melupuskan STT berhubung dengan penstrukturan semula mana-mana syarikat bagi tujuan suatu IPO hendaklah melaporkan pendapatan dengan mengemukakan Borang Nyata CKM secara e-Filing (Borang e-CKM) dan membayar kesemua amaun cukai kena dibayar dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan berkenaan pengecualian CKM menurut P.U.(A) 290/2024 yang berkuat kuasa mulai 1.3.2024 hingga 31.12.2028.
- 2.2 Garis Panduan ini turut menyenaraikan syarat-syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi untuk memohon pengecualian CKM di bawah P.U.(A) 290/2024.


3. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PENGECCUALIAN

Laba atau keuntungan yang diterima oleh pelupus daripada transaksi pelupusan STT boleh dipertimbangkan untuk kelulusan pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024 setelah memenuhi kesemua syarat berikut:

- 3.1 Tujuan pelupusan STT adalah berhubung dengan penstrukturan semula mana-mana syarikat bagi tujuan suatu IPO.
- 3.2 Tarikh pelupusan STT yang layak pengecualian adalah pelupusan dalam tempoh mulai 1.3.2024 hingga 31.12.2028.
- 3.3 Pelupusan hendaklah dilakukan dalam tempoh satu tahun sebelum tarikh permohonan IPO oleh syarikat IPO. Sekiranya mana-mana pelupusan dilakukan selepas tarikh permohonan IPO, pelupusan STT tersebut adalah tertakluk kepada CKM dan tidak layak untuk memohon pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024.

- 3.4 Syarikat IPO hendaklah mengemukakan permohonan IPO di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] kepada agensi berikut:
- (a) Suruhanjaya Sekuriti (SC) bagi maksud penyenaraian di Pasaran Utama; atau
 - (b) Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa) bagi maksud penyenaraian di Pasaran ACE dan Pasaran LEAP.
- 3.5 Kelulusan bagi permohonan IPO daripada SC atau Bursa hendaklah diperolehi selewat-lewatnya pada 31.12.2028.
- 3.6 Pelupus hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan permohonan IPO.

Ilustrasi 1 – Pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024



Nota

- (a) Mana-mana pelupusan STT dalam tempoh 1.3.2024 hingga 28.2.2025 layak memohon pengecualian kerana pelupusan berlaku dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permohonan IPO.

Mana-mana pelupusan STT yang dilakukan selepas 28.2.2025 adalah satu pelupusan STT yang tertakluk kepada CKM dan tidak layak untuk memohon pengecualian.

- (b) Pelupus layak memohon pengecualian kerana permohonan syarikat IPO telah diluluskan pada 1.8.2025.
- (c) Permohonan pengecualian secara bertulis kepada KPHDN hendaklah dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan permohonan IPO.

4. PROSEDUR PERMOHONAN PENGECUALIAN

4.1 Pelupus hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian secara bertulis kepada KPHDN berhubung pelupusan STT menurut P.U.(A) 290/2024.

4.2 Permohonan pengecualian hendaklah dikemukakan kepada LHDNM Negeri/Cawangan Khas yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus berserta dengan maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap, antaranya:

4.2.1 Maklumat pelupusan

- (a) Nama pelupus dan pemeroleh bagi transaksi pelupusan STT.
- (b) Butiran lengkap STT yang dilupuskan termasuk butiran tarikh dan harga pemerolehan, tarikh dan harga pelupusan.
- (c) Sesalinan perjanjian pindah milik berkaitan dengan pelupusan STT dan dokumen pindah milik saham di bawah seksyen 105 Akta Syarikat 2016.
- (d) Pengesahan penerimaan e-CKM atau Notis Taksiran dan bukti pembayaran CKM bagi transaksi pelupusan STT yang dipohon untuk pengecualian P.U.(A) 290/2024.

4.2.2 Maklumat syarikat IPO

- (a) Butiran lengkap syarikat IPO seperti nama syarikat, tarikh syarikat diperbadankan, tujuan dan lain-lain maklumat yang berkaitan.
- (b) Senarai syarikat yang terlibat dengan skim penstrukturan semula bagi tujuan IPO.

- (c) Maklumat atau dokumen berhubung pelaksanaan skim penstrukturan semula antaranya kertas cadangan penstrukturan semula, carta organisasi (sebelum dan selepas penstrukturan), resolusi lembaga pengarah.
- (d) Surat permohonan IPO, surat kelulusan permohonan IPO dan dokumen berhubung penyenaian syarikat.

4.2.3 Apa-apa maklumat/dokumen lain yang berkaitan, sekiranya ada.

4.3 Kelulusan permohonan pengecualian

- (a) Sekiranya permohonan pengecualian diluluskan, KPHDN akan mengeluarkan Surat Kelulusan Pengecualian Di Bawah P.U.(A) 290/2024.
- (b) Sekiranya permohonan pengecualian ditolak, rayuan bertulis berhubung dengan permohonan pengecualian tersebut boleh dikemukakan kepada LHDNM Negeri/Cawangan Khas yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat penolakan tersebut.
- (c) Sebarang keputusan atas rayuan tersebut adalah muktamad.

4.4 Permohonan relif di bawah seksyen 131A ACP

Sekiranya permohonan pengecualian diluluskan, taksiran CKM yang telah disifatkan akan dipinda melalui prosedur permohonan relif di bawah seksyen 131A ACP. Permohonan relif secara bertulis melalui surat atau Borang CP15F hendaklah dikemukakan kepada LHDNM Negeri/Cawangan Khas yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus.

Prosedur permohonan relif adalah sebagaimana digariskan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran Dan Permohonan Relif.

5. KETIDAKPAKAIAN

Pengecualian ini tidak terpakai sekiranya:

- 5.1 Laba atau keuntungan daripada pelupusan STT itu dikenakan cukai sebagai suatu pendapatan perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP.

Contoh 1

Neptune Trade Sdn Bhd (Neptune) ditubuhkan untuk aktiviti pelaburan dan pemerolehan syarikat. Neptune mempunyai pasukan khas yang menilai setiap pembelian pelaburan dan pemerolehan syarikat untuk dijual semula bagi tujuan mendapatkan keuntungan. Sepanjang tempoh 2023–2025, aktiviti jual beli pelaburan adalah seperti berikut :

Tahun	Aktiviti
2023 - 2025	Transaksi jual beli saham syarikat lain secara aktif
1.12.2024	Membeli 20% saham Venus Sdn Bhd (Venus)
1.6.2025	Menjual kesemua 20% pegangan saham Venus Nota 1

Nota 1

Sebagai persediaan penyenaraian Venus di Pasaran Utama:

1. Neptune melupuskan pegangan saham Venus pada 1.6.2025. Keuntungan berjumlah RM30 juta telah diperolehi daripada pelupusan ini.
2. Pelupusan dibuat bagi memenuhi keperluan penyusunan semula korporat sebelum penyenaraian Venus.
3. Venus membuat permohonan IPO kepada Suruhanjaya Sekuriti pada 01.09.2025. Kelulusan IPO diperolehi pada 15.11.2025.

Layanan CKM

Berdasarkan fakta, keuntungan daripada aktiviti jual beli saham adalah suatu laba atau keuntungan yang tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah perenggan 4(a) ACP kerana terdapat usaha-usaha bercorak perdagangan seperti berikut:

1. Aktiviti perniagaan adalah pelaburan dan pemerolehan syarikat.
2. Saham Venus hanya dipegang dalam tempoh yang singkat.
3. Syarikat mempunyai pasukan khas yang mengawal semua aktiviti pelaburan yang dibuat.
4. Kekerapan membeli dan menjual pelaburan.

Sehubungan itu, Neptune tidak layak memohon pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024.

5.2 Pelupus telah membuat permohonan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Skim Penstrukturan Semula Syarikat) (Pengecualian) 2024 [P.U.(A) 289/2024] berkenaan dengan pelupusan STT yang sama; atau

5.3 Pelupus telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP berkenaan dengan pelupusan STT yang sama.

6. KEGAGALAN DALAM PEMATUHAN SYARAT

Pengecualian yang telah diberikan di bawah P.U.(A) 290/2024 tidak terpakai sekiranya didapati berlaku mana-mana perkara yang berikut:

- (a) Pelupusan STT dibuat bagi maksud selain daripada yang ditetapkan di bawah P.U.(A) 290/2024.
- (b) Maklumat atau dokumen sokongan yang dikemukakan adalah tidak benar.
- (c) Pelupus tidak mematuhi mana-mana syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

7. KERUGIAN DARIPADA PELUPUSAN SAHAM

Dalam keadaan di mana pelupus mendapat pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024 bagi suatu pelupusan STT, apa-apa kerugian daripada pelupusan STT lain dalam skim yang sama adalah diabaikan. Kerugian tersebut tidak boleh diambil kira sebagai tolakan dalam mana-mana pelupusan berikutnya, sama ada dalam tahun yang sama ataupun tahun-tahun yang berikutnya.

Contoh 2

Suatu skim penstrukturan semula sedang dilaksanakan berkaitan dengan proses suatu IPO bagi menyenaraikan Violet Berhad (**Violet**) di Pasaran Utama. Violet membuat permohonan IPO pada 01.04.2025. Permohonan IPO tersebut telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 15.07.2025 dan disenaraikan di Papan Utama pada 01.08.2025.

Daisy Sdn Bhd (**Daisy**) telah melupuskan saham dalam Lavender Sdn Bhd (**Lavender**), Lilac Sdn Bhd (**Lilac**) dan Lupin Sdn Bhd (**Lupin**) yang terlibat dalam skim penstrukturan bagi tujuan penyenaraian Violet. Maklumat pelupusan STT oleh Daisy adalah seperti berikut:


Tarikh Pelupusan	Syarikat Tidak Tersenarai	Jumlah pemegangan STT (Unit)	Harga Pelupusan (RM)	Pendapatan/ (Kerugian) Larasan (RM)
15.02.2025	Lavender	10,000	70,000	(10,000)
01.03.2025	Lilac	10,000	100,000	30,000
01.03.2025	Lupin	10,000	68,000	(5,000)

Daisy telah melaporkan laba atau keuntungan daripada pelupusan STT dengan mengemukakan Borang e-CKM dan membayar kesemua amaun cukai kena dibayar dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan STT.

Daisy tidak mengemukakan permohonan pengecualian bagi pelupusan STT Lavender dan Lupin.

Layanan CKM

1. Permohonan pengecualian pelupusan STT Lilac diluluskan kerana memenuhi semua syarat pengecualian.



2. Oleh kerana pengecualian di bawah P.U.(A) 290/2024 telah diberikan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan STT Lilac, kerugian larasan daripada pelupusan STT Lavender dan Lupin tidak boleh diambil kira sebagai tolakan dalam mana-mana pelupusan berikutnya, sama ada dalam tahun yang sama ataupun tahun-tahun yang berikutnya oleh Daisy.

Ini kerana, pelupusan STT tersebut adalah dilakukan dalam skim penstrukturan bagi tujuan permohonan IPO Violet.

8. KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PENYATA DAN MAKLUMAT LAIN

Pelupus tidak dilepaskan daripada mematuhi kehendak untuk mengemukakan Borang Nyata atau penyata akaun atau apa-apa maklumat lain di bawah ACP.

9. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.